

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN KESIHATAN				
PEJABAT KUALITI, GOVERNANCE DAN INNOVASI				
1	Projek Sistem <i>Incident Reporting</i>	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyelaras proses sistem <i>Incident Reporting</i> yang sistematik bagi Kementerian Kesihatan secara 'online' ● Mengenalpasti insiden-insiden yang menjejaskan dan membahayakan kualiti pemberian kesihatan dan keselamatan pesakit ● Mengumpul data, menganalisis dan melaporkan insiden kritikal, insiden yang hampir berlaku, kesilapan dan peristiwa sentinel ● Mengenalpasti jenis-jenis insiden yang dapat dijadikan projek bagi penambahbaikan kualiti dengan fokus kepada efisiensi dan kos, pengurangan pembaziran dan inovasi 	Projek Sistem <i>Incident Reporting</i> adalah salah satu inisiatif dibawah Pejabat Kualiti, Governance dan Inovasi, Kementerian Kesihatan. Projek ini bertujuan bagi menggalakkan budaya keselamatan dengan mengenalpasti dan menubuhkan mekanisme laporan yang <i>standardize</i> . Salah satu inisiatif inovatif pejabat ini adalah dengan menggabungkan aspek kualiti dan pengurusan risiko menjadi satu komponen. Dalam masa yang sama, ia dapat mengenalpasti dan memberi keutamaan (<i>prioritization</i>) dalam pengurusan risiko (<i>quality risk management</i>) yang berkaitan dengan kualiti dan keselamatan pesakit. Projek ini juga dapat menggalakkan kesedaran pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan mengenai kepentingan kualiti dan keselamatan pesakit yang diberikan di fasiliti-fasiliti kesihatan dengan megekalkan persekitaran yang selamat dan mengurangkan risiko dalam penjagaan pesakit dan penyampaian perkhidmatan.
JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN				
2	<i>Strategic Plan 2019-2023</i>	Dasar	Merangkumi 5 matlamat utama:- <ul style="list-style-type: none"> ● <i>Excellence in Health Care Service</i> ● <i>Prevention and Control of Noncommunicable Disease</i> ● <i>Protection of Public Health through Effective policies and regulations</i> ● <i>Sustainability Through Resource Optimisation and Innovation</i> ● <i>Transparent and Proactive Governance</i> 	Pelan Strategik 2019-2023 ini adalah sebagai platform Kementerian Kesihatan dalam mengukuhkan sistem dan perkhidmatan yang lebih efektif, efisien, responsif, saksama dan mudah diperolehi selaras dengan konsep liputan penjagaan kesihatan menyeluruh (<i>Universal Health Coverage</i>) kepada pencapaian matlamat Wawasan 2035 khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN				
3	Penggunaan Bangunan Baru Stor Perubatan Negara	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan pembekalan stok ubat-ubatan dan barangan guna habis perubatan yang berterusan ● Penyediaan ruang / tempat penyimpanan ubat dan barangan gunahabis perubatan yang teratur ● Pelaksanaan amalan terbaik dalam pengurusan stor ● Memastikan keselamatan stok ubat dan barangan gunahabis perubatan ● Memastikan persekitaran kerja yang selamat bagi pegawai dan kakitangan yang bertugas 	Keperluan ubat-ubatan dan barangan gunahabis perubatan di hospital-hospital, klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan di negara ini semakin meningkat dari tahun ke setahun. Perbekalan stok ubat-ubatan dan barangan gunahabis perubatan yang lebih banyak dilihat dapat memberikan penjimatan dalam jangka masa yang panjang dari segi kadar harga yang ditawarkan oleh pihak pembekal. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan keupayaan dari segi logistik penyimpanan serta pembekalan stok ubat-ubatan dan barangan gunahabis perubatan yang mencukupi dan berterusan.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				Projek ini telah berjaya meningkatkan kapasiti pada ruang penyimpanan stok ubat-ubatan dan barangan gunahabis perubatan serta pengeluar / perbekalan yang lebih teratur. Selain itu, projek ini turut membantu dalam memastikan prosedur penyimpanan bagi stok ubat dan barangan gunahabis perubatan yang lebih teratur terutamanya dalam mengekalkan kadar suhu dan keadaan persekitaran yang terkawal.
PUSAT PROMOSI KESIHATAN				
4	Program Duta Kesihatan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasakan individu dan masyarakat setempat untuk mengamalkan dan membudayakan amalan cara hidup sihat secara berterusan melalui program atau aktiviti program kesihatan yang bersesuaian Melantik beberapa orang warga atau pemimpin masyarakat sebagai pemangkin bagi memudahcara program kesihatan serta menjadi <i>role model</i> kesihatan di kawasan tadahan 	Program Duta Kesihatan merupakan strategi peringkat masyarakat yang <i>cost - effective</i> dalam mengubahsuai amalan cara hidup sihat dan menggalakkan pembaikan didalam kesihatan melalui pencegahan dan pengawalan serta perkhidmatan. Duta-duta kesihatan adalah diharap menjadi pemangkin bagi program aktiviti setempat yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti merancang, mengadvokasi atau mengangkat (<i>adopting</i>) program cara hidup sihat berkumpulan, bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak institusi pendidikan setempat, secara teratur.
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN				
5	Unit Pembangunan Profesional Lanjutan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Merancang pembelajaran CPD / melibatkan secara aktif di dalam pembelajaran berstruktur serta interaktif seperti kursus latihan, persidangan, bengkel, seminar, kuliah, kursus e-pembelajaran atau acara yang relevan dengan garispandu CPD Menunjukkan pembelajaran secara aktif seperti peperiksaan dan penilaian berorientasikan kerjaya (kajian dan semakan semula akan dianggap pembelajaran secara sendiri) Merekodkan aktiviti yang memenuhi keperluan badan atau persatuan profesional mereka. Aktiviti CPD direkodkan dari segi hasil pembelajaran dan penggunaan praktikal pengetahuan yang diperolehi Bekerjasama dengan Institusi lain seperti IHS, PB, IBTE, pusat profesional perubatan seperti JPMC, PJSC, BNSRC, GJPMC, lembaga dan organisasi bukan kerajaan lain dalam 	Pembangunan Profesional berterusan (CPD) adalah kaedah pendidikan yang memfokuskan kepada pembangunan dan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan didalam bidang profesyen penjagaan kesihatan. Pegawai penjagaan kesihatan termasuk Jururawat dan Pegawai Profesional Kesihatan Bersekutu adalah dimestikan untuk sentiasa mengemaskini dengan kerap mengambil bahagian dalam aktiviti pembangunan profesional yang berterusan disepanjang perkhidmatan mereka. Dibawah undang-undang Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Perubatan (Bab 112), Akta Jururawat (Bab 140), Perintah Profesional Kesihatan Bersekutu Brunei, dan Perintah Pendaftaran Ahli Farmasi, setiap profesional penjagaan kesihatan adalah dikehendaki didaftarkan dengan lembaga / dewan yang berkaitan amalan di Negara Brunei Darussalam

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			mempromosikan CPD	dan dikehendaki untuk memberikan keterangan mengenai mata pelajaran pembangunan profesional yang berterusan [CPD] yang mencukupi sepertimana ditentukan oleh setiap lembaga / majlis untuk memperbaharui sijil amalan tahunan mereka (APC). CPD mandatori untuk doktor, jururawat dan pakar kesihatan bersekutu yang berdaftar bertujuan untuk memberi jaminan kepada orang ramai bahawa mereka adalah terkini dalam pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang perkhidmatan dengan tetap mengambil bahagian didalam aktiviti yang berkaitan dengan amalan mereka.
6	Penubuhan Unit Keselamatan Pesakit di semua Hospital-Hospital dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Klinikal	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggalakkan kesedaran mengenai kualiti dan budaya keselamatan pesakit ● Mengumpul data, menganalisis dan melaporkan insiden kritikal, insiden yang hampir berlaku, kesilapan atau sentinel ● Melaksanakan pertemuan <i>mortality & morbidity</i> dan menyediakan / mempromosikan ppeningkatan dan pengajaran yang dipelajari dalam keselamatan dan kualiti pesakit ● Melaksanakan dan memudahkan latihan dan pengajaran yang relevan untuk menyokong pelaksanaan amalan berasaskan bukti ● Melaksanakan dan memantau pematuhan dalam inisiatif dan program keselamatan dan kualiti pesakit ● Melapor ke Jawatankuasa Kebangsaan Kualiti dan Keselamatan Pesakit, Kementerian Kesihatan 	<p>Prinsip asas kualiti dalam pemberian perkhidmatan kesihatan dan perubahan adalah hak pesakit untuk mendapat penjagaan yang selamat. Keselamatan pesakit adalah sebahagian daripada sistem penjagaan kesihatan dan merupakan penyedia perkhidmatan kualiti yang sangat utama. Dengan penubuhan Unit Keselamatan Pesakit di semua kemudahan penjagaan kesihatan iaitu hospital-hospital dan perkhidmatan-perkhidmatan klinikal akan dapat terus meningkatkan penglibatan dan pelaksanaan amalan keselamatan pesakit di semua kemudahan penjagaan kesihatan dibawah Kementerian Kesihatan.</p> <p>Unit Keselamatan Pesakit menjadi pusat dimana hospital-hospital dan kemudahan kesihatan fokus dalam penjagaan pesakit yang lebih selamat. Ianya memudahkan semua inisiatif keselamatan pesakit dan program peningkatan kualiti daripada perspektif keselamatan pesakit, membina kapasiti dikalangan kakitangan dalam keselamatan pesakit, dan melibatkan pesakit dan komuniti dalam meningkatkan keselamatan penjagaan pesakit.</p>
7	Pengurusan Kesiapsiagaan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan pelan-pelan kecemasan kesemua jabatan-jabatan dibawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan adalah yang terkini dan akan direbui secara berkala (mengikut tempoh yang dipersetujui) ● Mengukuhkan peranan sistem dalaman dalam kearah penyediaan kesiapsiagaan ● Memperkembangkan kapasiti yang sedia ada dengan membuat perundingan serta persetujuan khas bersama agensi-agensi yang berkepentingan bagi penyediaan perkhidmatan yang diperlukan untuk respon kecemasan. 	Dalam menyokong strategi utama Kementerian Kesihatan ke 3 iaitu Perlindungan Kesihatan Awam Melalui Polisi dan Peraturan yang Efektif, pihak jabatan telah mengenalpasti inisiatif pelaksanaan yang menjurus kepada memastikan kesiapsiagaan untuk kesihatan kecemasan. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada mengukuhkan kapasiti operasi respon jabatan secara menyeluruh dalam menangani pelbagai kecemasan. Selain itu, ianya juga menyokong pendekatan <i>Whole of Government, Whole of Society</i> yang sering ditekankan oleh pihak berkepentingan pengurusan bencana sekaligus mematuhi tindakan mengikut Prosedur Tetap Operasi Kebangsaan (NaSOP) 2012.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
8	Penubuhan dan Penambahbaikan <i>Emergency Operatios Centre</i> (EOC)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengenalpasti kesesuaian dan / atau melaksanakan penambahbaikan pada tempat yang dijadikan EOC • Melengkapkan EOC dengan keperluan dan susun atur yang sama atau serupa mengikut tahap fungsi pengurusan bencana • Memastikan para kakitangan dan pegawai menjalani latihan yang berhubungkait dengan fungsi EOC dan pengetahuan asas pengurusan bencana • Menguji kefahaman dan kecekapan para kakitangan dan pegawai EOC mengikut peranan dan tanggungjawab dipelbagai skala bencana 	Pusat Operasi Kecemasan atau <i>Emergency Operations Centre</i> (EOC) merupakan lokasi utama tempat perkumpulan komiti pengurusan bencana (atau agensi-agensi yang relevan bila diperlukan) yang memainkan peranan penting dalam perancangan (strategik, operasi dan taktikal) tindakan, penyelarasan maklumat dan penyediaan keperluan semasa terjadinya bencana. EOC yang lengkap dan sentiasa tersedia untuk digunakan serta dikendalikan oleh para pegawai dan kakitangan yang telah dilatih dalam pengurusan bencana akan menghasilkan respon yang cekap, tepat dan berkesan.
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL				
9	Pelaksanaan Program Jaminan Kualiti Ujian <i>Point of Care Blood Gases</i> menggunakan <i>Siemens RapidPoint500</i> di Wad-Wad Kritikal di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan sistem pemantauan pengawalan kualiti ujian <i>blood gases</i> yang berkesan dan bersistematik • Mengawal penggunaan mesin <i>blood gases siemen RapidPoint 500</i> kepada kakitangan wad yang telah diberikan latihan sahaja. 	<p>Pengawalan kualiti ujian <i>blood gases</i> menggunakan <i>blood gas analyser</i> yang dibuat oleh jururawat-jururawat dan pegawai-pegawai perubatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), Jabatan Kecemasan (AE) dan Unit Bayi Penjagaan Khas (SCBU) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Hospital Suri Seri Begawan sebelumnya tidak pernah dipantau oleh Bahagian <i>Point of Care Testing</i> (POCT), Jabatan Perkhidmatan Makmal. Bagi memastikan kualiti keputusan-keputusan ujian tersebut tidak menjejaskan pengurusan dan keselamatan pesakit yang kritikal, Bahagian POCT bekerjasama dengan Makmal Kimia Klinikal, Pembekal mesin yang diluluskan, pembekal perkhidmatan Bru-HIMS dan bahagian-bahagian wad yang terlibat melaksanakan projek ini melalui pelaksanaan tawaran kontrak KK/46/2017 (LAB)(TC)</p> <p>Pelaksanaan projek ini:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Telah menaiktaraf sistem pemantauan pengawalan kualiti ujian dengan menggunakan sistem pengurusan data kualiti online iaitu sistem middleware POCcelerator 2) Telah menubuhkan secara beperingkat dokumentasi yang berkaitan dengan kumpulan ujian <i>blood gases</i> bagi kegunaan jururawat-jururawat 3) Akan berterusan membangunkan kerjasama pengurusan latihan dan aktiviti ketidakpatuhan proses ujian dengan pengguna-pengguna dan ujian <i>blood gases</i>, <i>electrolytes</i> dan <i>metabolites</i> 5. Boleh mengurangkan kesilapan transkripsi ujian yang sebelumnya dibuat secara manual 6. Menambah jumlah kumpulan ujian <i>blood gases</i> iaitu tambahan <i>blood glucose</i> dan <i>blood lactate</i>. <p>Pemantauan projek ini akan sentiasa dikemaskinikan oleh Bahagian <i>Point of Care Testing</i> (POCT) dan perlaksanaannya akan berterusan dikaji semula bagi memastikan ianya cekap dan berkesan bagi setiap proses penganalisan ujian POC - <i>Blood Gases</i>.</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI				
10	Perkhidmatan Penghantaran Ubat-Ubatan Kepada Pesakit 'Home Delivery Service' Melalui Kompeni Logistik Swasta	Struktur Organisasi	Projek ini menambah lagi pengalaman pelanggan farmasi dan merupakan satu projek yang bernilai 'added value'. Dengan projek penghantaran ini pesakit-pesakit terutama sekali waga emas, pekerja yang sibuk dan sebagainya tidak lagi perlu datang ke farmasi hospital ataupun pusat kesihatan untuk menunggu ubat mereka. Masa menunggu ubat bagi pesakit-pesakit yang menunggu di kaunter farmasi juga menurun. Projek ini diharapkan dapat mengurangkan kesan-kesan negatif ke atas produktiviti individu, syarikat dan negara.	Perkhidmatan Farmasi sentiasa berusaha untuk menambahbaik pengalaman pesakit-pesakit keatas perkhidmatannya. Salah satu strategi untuk mengurangkan masa menunggu ubat di farmasi adalah secara penghantaran ubat-ubatan ke alamat pelanggan / pesakit yang ditentukan. Jabatan Perkhidmatan Farnasi telah menghubungi syarikat logistik tempatan bertujuan untuk membincang cadangan perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan. Setelah beberapa sesi perbincangan diantara Kementerian Kesihatan dan Syarikat yang layak dan mampu menangani perkhidmatan ini.
11	Kauseling Ubat-Ubatan Kepada Pesakit Secara 'Targeted' di Perkhidmatan Farmasi Komuniti	Pelakuan Organisasi	Perkhidmatan ini adalah untuk memastikan pesakit mendapat terapi ubat yang selamat dan berkesan dan juga mencapai terapi perubatan yang optimum	<ul style="list-style-type: none"> ● Projek ini telah di pilot kan di Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong pada bulan Mac / April 2019 sebelum ia dijalankan di farmasi komuniti lain yang diketuai oleh seorang ahli kimia ubat. Tujuan projek ini adalah untuk memberi nasihat dan pendidikan kepada pesakit yang berkenaan supaya mereka lebih memahami ubat-ubatan mereka. Pesakit yang kurang patuh kepada arahan pengambilan ubat-ubatan adalah disebabkan oleh kurang kefahaman terhadap penyakit dan rawatannya. Ahli kimia ubat memainkan satu peranan yang penting dalam mendidik dan memberi kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dan menggalakkan mereka supaya mematuhi rawatan farmakoterapi dan cara pengambilan ubat-ubatan yang diberikan. ● Projek ini juga:- <ul style="list-style-type: none"> - menggalakkan penggunaan ubat yang rasional - pengurangan kadar kemasukan hospital disebabkan penyakit yang tidak terkawal - pengurangan kesan sampingan ubat yang tidak diingini - pengurangan pembaziran ubat-ubatan
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR				
12	Bengkel Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar: Pemeriksaan Kebersihan Kapal dan Pengeluaran Sijil "Ship Sanitation Control Exemption Certificate (SSEC)" di Seluruh Pelabuhan Daerah di Negara Brunei Darussalam	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memberikan pengetahuan dan maklumat mengenai pemeriksaan kapal dari segi kesihatan dan keselamatan semasa pemeriksaan dijalankan ● Mendedahkan lagi kaedah pemeriksaan kapal dari segi kesihatan yang berdasarkan daripada garispandu pemeriksaan kesihatan 'Guide Ship Sanitation 2011' yang dikeluarkan oleh pertubuhan kesihatan sedunia (WHO) ● Melatih dan meningkatkan daya kompetensi pegawai dan kakitangan khususnya yang terlibat didalam pemeriksaan kapal dan pengeluaran sijil SSEC selaras dengan keperluan antarabangsa ● Melaksanakan salah satu keperluan International Health Regulation (IHR) 2005 	Untuk memberikan pengetahuan dan maklumat mengenai pemeriksaan kebersihan kapal dari segi kesihatan dan keselamatan semasa pemeriksaan dijalankan dan melatih serta meningkatkan daya kompetensi pegawai dan kakitangan khususnya yang terlibat di dalam pemeriksaan kapal dan pengeluaran sijil Ship Sanitation Control Exemption Certificate (SSEC) selaras dengan keperluan antarabangsa.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			yang menekankan setiap pegawai pemeriksa yang diberikuasa adalah berkebolehan dan berpengetahuan sebelum melaksanakan pemeriksaan kapal.	
13	Program Kesihatan Pengendali Makanan	Struktur Organisasi	Meningkatkan pengetahuan pengendali makanan mengenai amalan pengendali makanan yang betul dan teratur	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar telah mengemaskini Program Kesihatan bagi pengendali makanan dimana ia telah mula dilaksanakan di Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan di Daerah Brunei dan Muara pada Oktober 2018 dan seterusnya dilaratkan ke daerah-daerah yang lainnya secara berperingkat. Melalui program yang baharu ini, pengendali makanan adalah dikehendaki untuk mengisi borang F (Borang Permohonan Kursus Pendidikan Asas Keselamatan Makanan bagi Pengendali Makanan) secara lengkap, mendapatkan suntikan Tifoid setiap tiga tahun, menjalani pemeriksaan x-ray dada dan lulus dalam ujian bertulis yang diberikan setelah menghadiri kursus pendidikan asas bagi pengendali makanan.
14	Aplikasi Mudah Alih Sistem Perjanjian (<i>Que Up</i>) Pusat Pemeriksaan Kesihatan bagi Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing	Struktur Organisasi	Sistem ini diperkenalkan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai dengan memberikan kemudahan kepada pelanggan merancang masa dengan lebih efisien dan mengurangkan masa menunggu. Selain itu, orang ramai juga tidak perlu beratur awal untuk mendapatkan nombor giliran.	Sistem ini menggunakan aplikasi mudah alih <i>Que Up</i> bertujuan untuk memudahkan orang ramai menempati slot giliran (<i>queue</i>) bagi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan pekerja asing di Pusat Pemeriksaan Kesihatan (Berakas) mengikut pilihan tarikh dan masa sesuai dengan keperluan masing-masing.
15	Sesi Pendekatan Awam Mengenai Kursus Asas Keselamatan Makanan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan maklumat kepada pengurus premis makanan mengenai proses Asas Keselamatan Makanan yang diselaraskan di semua daerah • Meningkatkan keberkesanan kursus keselamatan makanan • Memproses sijil keselamatan makanan dalam masa 1 minggu 	<p>Pada tahun 2017, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah memperkenalkan proses menaiktaraf pensijilan para pengendali makanan di Daerah Brunei-Muara. Proses menaiktaraf dilaratkan kepada semua daerah termasuk Daerah Belait, Tutong dan Temburong dimana Pejabat Kesihatan Daerah Belait telah memulakan proses ini pada Januari 2019. Sesi Pendekatan Awam telah diadakan kepada pengurus premis makanan untuk memberi maklumat mengenai tatacara seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan mengikut kursus asas keselamatan makanan bagi pengendali makanan • Pendaftaran kursus pendidikan asas keselamatan makanan bagi pengendali makanan • Semasa menghadiri ujian • Selepas taklimat kursus

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
16	Sesi Pendekatan Awam Mengenai Projek Meningkatkan Kesedaran Mengenai Kebersihan Alam Sekitar bagi Mukim Pekan Seria	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Menitik berat mengenai kebersihan kesihatan diri ● Menitik berat kebersihan persekitaran dan mengawal dari merebaknya penyakit ● Mempertingkatkan ilmu, kesedaran dan tanggungjawab bersama ● Menjalankan amanah 	Projek meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan alam sekitar bagi Mukim Pekan Seria adalah disebabkan beberapa kawasan di mukim ini menjadi 'hot spot' bagi pembiakan nyamuk. Nyamuk yang terdapat dikawasan ini adalah dari jenis Aedes Albopictus yang membawa penyakit denggi. Unit Entomologi memastikan tidak ada peningkatan kepada tempat pembiakan nyamuk dan Unit Kawalan Vektor telah membuat penyemburan racun serangga setiap tiga bulan di mukim ini. Tujuan projek ini adalah untuk memaklumkan kepada penduduk - penduduk di mukim ini bahawa kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.
17	Taklimat Kebersihan dan Pengawasan Penyakit Bawaan Vektor bagi Sekolah Menengah dan Rendah Daerah Tutong	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan kepentingan penjagaan kebersihan alam sekitar kepada penuntut-penuntut sekolah ● Meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan kepentingan keselamatan makanan bagi menghindari penyakit bawaan makanan seperti keracunan makanan dan sebagainya ● Memberikan kefahaman mengenai pengawalan penyakit bawaan vektor seperti penyakit demam denggi yang mana masih lagi dilaporkan berlaku di Negara Brunei Darussalam 	Program taklimat kebersihan dan pengawalan penyakit bawaan vektor bagi sekolah menengah dan rendah Daerah Tutong adalah merupakan program pendidikan kesihatan yang memberikan kesedaran dan pengetahuan yang bermanfaat kepada penuntut-penuntut sekolah mengenai kepentingan kebersihan alam sekitar, keselamatan makanan dan pengawalan penyakit bawaan vektor seperti demam denggi dan lain-lain.
18	Program Bertindak <i>Taskforce</i> Kebersihan Ladang dan Pusat Penyembelihan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan tahap standard perladangan ternakan dan operasi penyembelihan adalah mengikut "best practices" ● Menjamin kualiti produk dari segi kebersihan keselamatan makanan dan kehalalan ● Memastikan ladang ternakan dan pusat penyembelihan memenuhi pra syarat pasaran eksport 	Penubuhan pasukan bertindak <i>taskforce</i> kebersihan ladang dan pusat penyembelihan bagi menangani isu-isu perladangan yang berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan awam serta kehalalannya.
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK				
19	Pengiktirafan ISO 17025 bagi Cawangan-Cawangan Baru di Bawah Jabatan Perkhidmatan Sainifik	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> ● Memberi jaminan kecekapan dan kompetensi kakitangan profesional dan teknikal ● Memelihara dan mengawal kualiti ujian makmal dengan menghasilkan ujian-ujian makmal yang betul, tepat dan boleh dipercayai melalui pemantauan piawaian antarabangsa ● Berupaya untuk menangani dan mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pengguna yang mana program ini memastikan ujian-ujian makmal dibuat oleh kakitangan makmal yang kompeten ● Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan ● Membantu untuk mencapai strategik, rancangan dan objektif yang menyokong misi Kementerian Kesihatan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi 	Jabatan Perkhidmatan Sainifik telah melalui dua fasa penyepaduan makmal, iaitu (i) penyepaduan Makmal Farmasi yang dilaksanakan pada tahun 2016 dan (ii) penyepaduan makmal-makmal yang berasal dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan dari jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) yang dilaksanakan pada tahun 2017. Kedua-dua penyepaduan tersebut berhasil memasukkan makmal-makmal berkenaan ke bawah urustadbir dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan. Sistem pengurusan kualiti yang sedia terdapat dan dipraktikkan di Jabatan Perkhidmatan Sainifik telah berjaya dilaratkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang disepadukan. Proses penilaian bagi mendapatkan pengiktirafan ISO17025 telah dijalankan keatas cawangan-cawangan baru oleh <i>Singapore Accreditation Council (SAC)</i>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019
DIBAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>pada bulan April 2018 dan pada 25 Jun 2018, penganugerahan pengiktirafan akreditasi ISO17025 telah diluluskan oleh SAC</p> <p>Cawangan-cawangan baru yang dimaksudkan ialah Cawangan Madaras bagi perkhidmatan dibawah Bahagian Farmasi dan Cawangan Serasa bagi Perkhidmatan dibawah Bahagian Mikrobiologi dan Bahagian Kimia Makanan.</p> <p>Sementara itu pengiktirafan ISO 17025 juga diperolehi bagi beberapa perkhidmatan baru dibawah Bahagian Kimia Makanan yang berlokasi di Cawangan Utama Kompleks Kementerian Kesihatan, di mana cawangan utama ini telah terdahulu mencapai pengiktirafan akreditasi ISO 17025 sejak tahun 2016.</p>